

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 15 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	MOSTI, MAIM anjur seminar di Masjid Al-Azim hari ini	Utusan Malaysia
2.	'Jaws' pemenang Anugerah Inovasi Inklusif ASTI-YIM	Harian Metro
3.	Kawal aktiviti bagi kurang kesan El Nino	Sinar Harian

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 25**  
**TARIKH : 15 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

## MOSTI, MAIM anjur seminar di Masjid Al-Azim hari ini

**MELAKA 14 Okt.** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) akan menganjurkan Seminar Meneroka Keagungan Pencipta Alam Semesta sempena sambutan Maal Hijrah 1437/2015 di Auditorium Al-Azim, Masjid Al-Azim di Jalan Bukit Palah di sini esok.

Seminar yang akan bermula pada pukul 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari itu akan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Inovasi dan Pengkomersialan Kementerian berkenaan, Mohd. Fadzil Mohd. Jaafar berkata, seminar tersebut merupakan salah satu daripada acara sambutan Karnival Falak Melaka yang berlangsung di Dataran Pusat Islam Melaka di Bukit Palah mulai hari ini hingga 18 Oktober ini.

"Seminar ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada masyarakat untuk mendekati serta memahami ilmu falak dan hubungannya dengan ibadah. Aktiviti ini juga tentunya akan dapat menimbulkan kesedaran dan minat para pengunjung terhadap kepentingan ilmu sains," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Mohd. Fadzil berkata, pelbagai acara diatur sepanjang berlangsung Karnival Falak Melaka antaranya Forum Bi-

cara Hijrah bertajuk *Fesyenista, Cantik di Mata Cantik Di Hati* oleh penceramah suami isteri, Datuk Siti Nor Bahyah Mahamood dan Wan Akashah Wan Abdul Hamid malam ini di pentas utama karnival.

Katanya, selain itu turut diadakan Segmen Bila Alam Berbicara yang akan disampaikan oleh Che Amran Yusof yang akan diadakan esok, bermula pukul 9 malam.

"Turut berlangsung adalah program ceramah perdana negeri Melaka yang akan dikendalikan oleh Pensyarah Kanan Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Mat Rofa Ismail pada pukul 8.30 pagi Jumaat ini dan Segmen Berbicara Tentang Alam bertajuk *Aku Sakit, Dia Penyembuhnya* oleh pengamal perubatan Islam, Sharhan Shafie pada pukul 9 malam hari itu," katanya.

Menurut Mohd. Fadzil, beberapa acara lain akan berlangsung pada hari Sabtu dan Ahad ini, antaranya Segmen Bicara Anakku, Bicara Tokoh Bersama Mejar Dr. Faiz Khaleed, Segmen Siber Sekuriti, Malam Gema Hijrah, Segmen Bual Bicara Santaj, Pertandingan Amal Islami Saudara Muslim dan persembahan khas oleh Hafiz Hamidun.

Orang ramai yang ingin mendapatkan keterangan lanjut mengenai Karnival Falak Melaka ini boleh menghubungi pegawai Jabatan Mufti Melaka iaitu Dr. Kassim Bahali di talian 013-3987455 atau Nor Nazmi Razali (019-2799846).

## 'Jaws' pemenang Anugerah Inovasi Inklusif ASTI-YIM

**Kuala Lumpur:** Sekumpulan pelajar dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Ling, Butterworth dipilih sebagai pemenang pertama bagi Anugerah Inovasi Inklusif Persatuan Sains Teknologi dan Rekacipta (ASTI) dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) yang julung kali diadakan, baru-baru ini.

Pasukan yang dikenali sebagai 'Jaws' itu menampilkan rekaan inovasi menarik iaitu pengecas mudah alih atau kasut 'power bank' di mana ia menggunakan sistem dinamo untuk menukar tenaga kinetik yang dihasilkan melalui pergerakan kepada elektrik.

Pengarah Inovasi Inklusif YIM, Abdul Razak Ahmad berkata, barisan hakim kagum dengan ciptaan itu kerana ia boleh memanfaatkan kumpulan berpendapatan rendah terutama pelajar yang mungkin tidak mampu membeli 'power bank'.

"Walaupun tanpa latihan formal, pelajar ini mampu mencipta kasut 'power bank' daripada peringkat awal lagi sekali gus turut membantu orang ramai mengedat telefon bimbit masing-masing dengan cara paling murah dan mesra alam," katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Anugerah Inovasi Inklusif

ASTI-YIM dianjurkan buat kali pertama oleh ASTI dan YIM iaitu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) bertujuan mengalakkan inovasi dalam kalangan pelajar berusia antara 13 hingga 17 tahun.

Beliau berkata, anugerah itu percubaan pertama YIM dalam memupuk minat terhadap inovasi inklusif dalam kalangan pelajar sekolah menengah di negara ini.

Dalam majlis sama, kumpulan pelajar perempuan dari Kolej Tunku Kurshiah (TKC) atau lebih dikenali Pencipta Inovasi Kurshiah menjadi pemenang kedua.



PASUKAN Kolej Tunku Kurshiah, pemenang tempat kedua, bergambar bersama trofi kemenangan.

## Kawal aktiviti bagi kurang kesan El Nino

KUCHING - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menasihatkan semua pihak yang menjalankan aktiviti berisiko menyebabkan kebakaran agar kawal aktiviti mereka.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, langkah itu perlu diambil bagi mengurangkan kesan fenomena El Nino yang sedang dialami ketika ini.

"Peladang, penternak, petani, pusat pembuangan sampah serta masyarakat amnya dinasihat jangan buat pembakaran terbuka bagi mengurangkan kesan El Nino.

"Jabatan Alam Sekitar juga telah diarahkan memantau jika ada pembakaran yang berlaku berdekatan dengan hutan supaya tidak merebak," katanya di sini, semalam.

El Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik.

Sementara itu, Wan Junaidi berharap kementerian menerima peruntukan khusus dalam Bajet 2016 bagi menguruskan telaga tiub di tanah gambut serta hutan yang berisiko berhadapan dengan ancaman kebakaran.

Beliau berkata, selain menguruskan telaga tiub sedia ada, kementerian juga merancang untuk menambah lagi telaga tiub ke beberapa kawasan lain.

"Jadi saya harap bajet nanti bukan saja kementerian saya tetapi juga bajet untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi diberi peruntukan khusus agar kementerian kami dapat menguruskan telaga tiub ini," katanya. - *Bernamea*